

# BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 05 : SEPTEMBER & OKTOBER 2023



## PASUKAN SEPAK TAKRAW STAF UTHM TELAH TERPILIH MEWAKILI DUN PARIT RAJA

BATU PAHAT : Pasukan Sepak Takraw Staf UTHM telah menjadi naib juara di pusingan awal (kumpulan) dan layak ke pusingan ke-2. Walaubagaimanapun pasukan terpaksa akur dengan ketangkasan pasukan lawan daripada DUN Kempas dengan kiraan mata 30-25. Semoga dengan penyertaan kejohanan berprestij ini akan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pasukan dan mengharumkan nama UTHM dipersada sukan kebangsaan dan antarabangsa.

Senarai Pegawai dan Pemain Pasukan Sepak Takraw Staf UTHM (DUN Parit Raja)  
Pengurus Pasukan : Abdul Hadi bin Mohamed Zainal (Pusat Kepimpinan & Kompetensi)

Pemain :

1. Mohd Hazrin bin Abd Rahman (Pusat Sukan Universiti)
2. Mohd Sufian bin MD Noor (Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum)
3. Mohd Shahril bin Abdullah Sani (Kolej Kediaman Dalam Kampus Parit Raja, Pusat Perumahan Pelajar)
4. Muhammad Fahmie bin Safai (Alumni UTHM)
5. Muhammad Zunnur Awwab bin Hamid (Pemain Jemputan)

3 SEPTEMBER 2023

# DUA ATLET UTHM BAKAL BERAKSI DI SIPMA DAN MASTHAI 2023

BATU PAHAT : Tahniah diucapkan kepada Sdr. Mohammad Faid bin Basarum (Atlet Bola Tampar) daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional kerana telah berjaya terpilih mewakili kontinjen MASUM ke Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA) 2023 yang akan berlangsung pada 10 hingga 16 September 2023 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tahniah juga diucapkan kepada Sdr. Muhammad Arif Roslan (Atlet Futsal) daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional kerana telah terpilih mewakili Malaysia ke Kejohanan Malaysia-Thailand (MASTHAI) Edisi ke 13 yang akan berlangsung pada 3 hingga 7 September 2023 di Universiti Utara Malaysia (UUM). Selamat maju jaya diucapkan kepada kedua-dua atlet dan semoga beraksi cemerlang dalam kejohanan yang disertai masing-masing

5 SEPTEMBER 2023



## MIRZA ADLI BAKAL MEWAKILI MALAYSIA KE SUKAN ASIA KE-19



BATU PAHAT : Tahniah diucapkan kepada Sdr. Mirza Adli Shaharaziz, Atlet Kayak UTHM daripada Pusat Pengajian Diploma yang akan mewakili Malaysia ke Sukan Asia ke 19 bertempat di Hangzhou, China pada 23 September hingga 10 Oktober 2023. Sdr. Mirza Adli akan bertanding dalam acara 'Traditional Boat Race' yang dijadualkan pada 4 hingga 6 Oktober iaitu acara Men 12 crew 200m, Men 12 crew 500m dan Men 12 crew 1000m. Selamat maju jaya dan semoga memberikan prestasi gemilang untuk negara kita

7 SEPTEMBER 2023

# KEJOHANAN 7TH UTEM INVATIONAL TAEKWONDO (WTF) CHAMPIONSHIP 2023



MELAKA : Tahniat diucapkan kepada pasukan Taekwondo UTHM kerana telah membawa pulang 1 Emas dan 2 Perak di Kejohanan 7th UTeM Invational Taekwondo (WTF) Championship 2023 yang bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 11 September 2023. Berikut merupakan senarai pemenang bagi kejohanan tersebut :

- 1) NOR AISYAH NAJWA BINTI AZIZAN (FSKTM)  
Pingat Emas, *Weight Category: Middle (Female)*
- 2) NUR NADIAH BINTI MAZLAN (FKEE)  
Pingat Perak, *Weight Category: Fly (Female)*
- 3) VIKNESVARAN A/L RAVINTHIRAN (FAST)  
Pingat Perak, *Weight Category: Welter (Male)*

11 SEPTEMBER 2023

# MAJLIS "FLAG OFF" STAF PUSAT SUKAN UNIVERSITI KE PROGRAM PENDAKIAN WANITA KINABALU 30 TAHUN UTHM



BATU PAHAT : Telah berlangsungnya Majlis 'Flag Off' kepada staf Pusat Sukan Universiti iaitu Cik Noor Farhanah binti Mohamad Amin dan Puan Tuan Noraini binti Tuan Mohd yang akan mengikuti Program Pendakian Wanita Kinabalu 30 Tahun UTHM. Majlis telah disempurnakan oleh Dr. Azli bin Puudin , Pengarah Pusat Sukan Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

13 SEPTEMBER 2023

## ATLET BERBASIKAL UTHM BERAKSI DI MCC MTB JAMBOREE



PAGOH : Atlet berbasikal UTHM, Mohamad Norsyamir bin Samandi Marguna daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) telah mendapat tempat ke-11 dalam kategori lelaki terbuka & ke 41 keseluruhan MCC Jamboree dan jarak perjalanan sejauh 50km. 6th MCC MTB Jamboree yang telah berlangsung pada 16 September 2023 (Sabtu) di Pagoh Education Hub kejohanan ini telah disertai pelumba dari pelbagai negara termasuk Singapore, Brunei dan Thailand. Program pembangunan sukan sebegini sangat penting bagi memastikan kecemerlangan sukan UTHM terus dipertingkatkan dari masa ke semasa

19 SEPTEMBER 2023

# VARSITY SEPAK TAKRAW (VSL) 2023 SIRKIT GRAND FINAL

KANGAR, PERLIS : Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pasukan Sepak Takraw Pelajar UTHM kerana berjaya melayakkan diri bagi semua acara yang disertai (1 Regu & 2 Beregu) ke Varsity Sepak Takraw (VSL) 2023 Sirkit Grand Final yang bakal diadakan pada bulan November nanti. Semoga UTHM terus gemilang dalam persada sukan Sepak Takraw IPT Malaysia.

## KEPUTUSAN VSL 2023 SIRKIT 3 - UUM

~~~~~

### Acara Regu

★ UTHM

🌟 Peringkat Kumpulan

1. UTHM (1) - UITM A(2)
2. UTHM (1) - UUM (2)
3. UTHM (2) - USIM B (0)

\*UTHM tidak layak ke pusingan ke-2

### Acara Beregu

★ UTHM A

🌟 Peringkat Kumpulan

1. UTHM A (2) - IIUM B (0)
2. UTHM A (2) - UUM (0)

\*UTHM menjadi Juara dan layak ke pusingan ke-2

🌟 Pusingan Ke-2

3. UTHM A (0) - UPSI B (2)

\*UTHM tewas kepada pihak lawan dan tidak berjaya ke pusingan suku akhir

★ UTHM B ★

🌟 Pusingan Kumpulan

1. UTHM B (2) - UNIKL A (0)
2. UTHM B (0) - USIM B (2)

\*UTHM menjadi naib juara dan layak ke pusingan ke-2

🌟 Pusingan Ke-2

1. UTHM B (0) - UPNM B (2)

\* UTHM tidak layak ke pusingan suku akhir



19 SEPTEMBER 2023

## AKSI CEMERLANG PASUKAN ARMADA DI LIGA FUTSAL IPT FASA 3



PULAU PINANG : Pasukan Futsal UTHM meneruskan rentak cemerlang pada Liga Super Futsal IPT Fasa 3 2023 dengan mencatat 4 kemenangan dan 1 kekalahan. Baki 4 perlawanan Fasa 4 akan berlangsung pada November di USM Penang. Berikut ialah keputusan Fasa 3 Liga Super Futsal IPT 2023 :

UTHM (5) v UM (1)

UTHM (4) v UNM (1)

UTHM (3) v MSU (2)

UTHM (2) v UPSI (4)

UTHM (5) v UUM (3)

23 SEPTEMBER 2023

## KEJOHANAN MAQNA FIFA 23 THE FINAL SHOWDOWN



SELANGOR : Tahniah dan syabas diucapkan atlet Esports UTHM, Sdr. Harith Iskandar bin Izaham daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina kerana telah berjaya dinobatkan sebagai Juara FIFA 23 Kategori 11v11 yang telah mewakili Pasukan Maqna Esports di Kejohanan Maqna FIFA 23 The Final Showdown pada 23-24 September 2023 bertempat di Quill City Mall, Kuala Lumpur.

25 SEPTEMBER 2023

## DUA MEDAL BERJAYA DIRAIH DI VARSITY TRACK & FIELD SIRKIT 3

TANJUNG MALIM, PERAK : Tahniah dan syabas diucapkan kepada atlet olahraga UTHM kerana telah berjaya membawa pulang pingat di Varsity Track & Field Sirkuit 3 bertempat di Stadium Arena Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 22 hingga 24 September 2023. Berikut adalah senarai pemenang pingat di kejohanan tersebut :

110m Berpagar (Lelaki)

Muhammad Zuhairi bin Zainurin

PPD

- Pingat Gangsa

Heptathlon

Nurul Athilah Iwana binti Mohd Hisam

PPD

- Pingat Gangsa

25 SEPTEMBER 2023



## PASUKAN TARIK TALI UTHM SEMAKIN AKTIF

BATU PAHAT : Pasukan Tarik Tali UTHM telah mengadakan pertandingan persahabatan 'Tug Of War' bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Johor. Pasukan Tarik Tali UTHM merupakan pasukan yang sentiasa aktif sama ada di peringkat sukan staf (SUKUM) atau kejohanan tempatan dan kebangsaan

26 SEPTEMBER 2023



## PROGRAM PROMOSI LALUAN KHAS SUKAN KE UTHM

KUALA LUMPUR : Pusat Sukan Universiti telah mengadakan satu sesi promosi berkaitan Laluan Khas Sukan ke UTHM bertempat di SMK Seri Tititwangsa, Kuala Lumpur bersama guru dan pelajar. Sekolah ini menjadi destinasi ketiga selepas Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail dan SMK Tun Hussein Onn, Kluang.

Sesi promosi ini memberikan peluang bagi guru dan pelajar untuk mendapat maklumat lebih lanjut mengenai pengambilan pelajar bidang diploma laluan khas sukan di UTHM. Pusat Sukan Universiti berharap agar lebih ramai atlet sukan mendaftarkan diri sebagai pelajar UTHM sekaligus membawa nama UTHM ke pentas sukan yang lebih tinggi.

26 SEPTEMBER 2023



## KUNJUNGAN HORMAT PST SILAT KPT-UTHM KE KEJOHANAN SILAT WARISAN DATO MAHARAJALELA UTP 2023

PERAK : Penyelaras PST Silat KPT-UTHM, En. Mohd Hazrin bin Abd Rahman telah mengadakan kunjungan hormat ke Kejohanan Silat Warisan Dato' Maharajalela UTP 2023 yang berlangsung pada 4 hingga 8 Oktober 2023 di Universiti Teknologi Petronas (UTP), Seri Iskandar, Perak. Terdapat berapa acara silat olahraga dan seni telah dipertandingkan merangkumi penyertaan IPT dan Terbuka. Syabas & tahniah kepada pihak penganjur atas penganjuran kejohanan ini sekaligus dapat menggilap bakat-bakat baru dalam arena silat. Pihak PST Silat KPT-UTHM sangat mengalu-alukan penganjuran program sebegini bagi membantu pembangunan sukan silat di Malaysia terutamanya di IPT.

6 OKTOBER 2023





## BENKEL APLIKASI SUAIAN FIZIKAL

JOHOR BAHRU : Seramai 4 orang staf UTHM, En Mohd Bahtiar bin Basri (FKAAB), En Muhamad Azmi bin Ali (PTM), En Muhamad Uzma bin Radzi (Pej HEP) dan En Khairul Amir bin Hamzah (PSU) telah menghadiri Bengkel Aplikasi Suaian Fizikal anjuran Seksyen Prestasi Tinggi dan Sains Sukan, Masjlis Sukan Negeri Johor selama 2 hari bermula 7 hingga 8 Oktober 2023 di Johor High Performance Centre, Nusa Duta.

Penganjuran bengkel ini bertujuan memberi pengetahuan kepada peserta untuk mengaplikasi suaian fizikal kepada atlet di bawah seliaan masing-masing serta meningkatkan tahap kompetensi staf di bidang sukan dan kejurulatihan mengikut aspek Sains Sukan yang terkini.

9 OKTOBER 2023



## PASUKAN MENDAYUNG UTHM DAN PST BERAKSI CEMERLANG DI VARSITY BOAT RACE 2023 PUTRAJAYA



PUTRAJAYA : Tahniah diucapkan kepada Pasukan Mendayung UTHM kerana telah berjaya membawa pulang 1 Perak dan 2 Gangsa dalam kejohanan Varsity Boat Race 2023 bertempat di Kompleks Sukan Air, Putrajaya pada 3 hingga 8 Oktober 2023. Manakala Pasukan Mendayung PST berjaya membawa pulang 1 Emas, 3 Perak dan 2 Gangsa. Berikut adalah senarai pemenang pingat bagi Pasukan Mendayung UTHM :

**Men Four (M4-)**

**Pingat Perak**

- Muhammad Haziq Nazmi Bin Badruzaman (FAST)
- Muhammad Hazwan Bin Ruhaidi (FTK)
- Muhammad Faez Amiruddin Bin Abdullah (FKEE)
- Nabil Hakimi Bin Badrul Hisham (FKEE)

**Women Four (W4-)**

**Pingat Perak**

- Marina Nur Hidayah Binti Mohammad Hazli (PPD)
  - Nur Syuhada Amira Binti Zulkarnain (PPD)
- Nur Qistina Wardina Binti Mohd Nizal (PPD)
- Nur Nadia Natasya Binti Khairul Ariffin (PPD)

**Lightweight Women Double Scull (LW2X)**

**Gangsa**

- Nurnabilah 'Atiqah Binti Nadzri (PPD)
- Tuan Nursafiah Binti Tuan Lokman (PPD)



Berikut pula adalah senarai pemenang pingat bagi Pasukan Mendayung PST :

**Men Four (M4-)**

**Pingat Perak**

- Chan Yu Xuan
- Chin Chin San
- Muhammad Nur Iman bin Mohamad Yusof
- Mohd Alimin bin Mohd Pauzi

**Men One (M1X)**

**Pingat Perak**

- Mohd Arif bin Mohd Rusok

**Lightweight Women Double Scull (LW2X)**

**Emas**

- Nurzarinah binti Zakaria
- Nur Afiqah Zamia binti Sumeri

**Women Four (W4-)**

**Pingat Gangsa**

- Nur Aqilah binti Baharuddin
- Nurul Asyikin binti Mohd Azahari
- Tee Yen Shin
- Nur Ratna Su'ai @ Suani

**Men's 8 (M8+)**

**Pingat Perak**

- Muhammad Nurhadie bin Muhammad Aizad
- Shaikh Ahmad Safwan bin Shaikh Sabri
- Ryan Sim Zhang Yie
- Chin Chin San
- Muhammad Nur Iman bin Mohamad Yusof
- Mohd Arif bin Mohd Rusok
- Chan Yu Xuan
- Mohamad Alimin bin Mohd Pauzi
- Queck Bun Lim

**Women One (W1X)**

**Pingat Perak**

- Nurul Amira binti Norhadi

**9 OKTOBER 2023**

## PENAMPILAN PERTAMA MIRZA ADLI DI PENTAS SUKAN ASIA

HANGZHOU, CHINA : Tahniah diucapkan kepada atlet kayak UTHM, Saudara Mirza Adli (PPD) kerana telah memberikan prestasi yang baik di Temasya Sukan Asia, Hangzhou 2023 pada 23 September hingga 8 Oktober 2023. Berikut adalah acara dan pencapaian skuad kayak negara di temasya berikut :

Traditional Boat :

Men 12 Crew 200m Lelaki – No. 9

Men 12 Crew 800m Lelaki – No. 8

Men 12 Crew 1000m Lelaki – No. 7

11 OKTOBER 2023



## BENKEL PELAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN FASILITI SUKAN

BATU PAHAT : Telah diadakan Bengkel Pelan Perancangan Pembangunan Fasiliti Sukan pada 11 Oktober 2023 di Dewan Jamuan, Aras 5, Perpustakaan Tun Tun Aminah dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan, Pejabat Pentadbiran UTHM – Kampus Pagoh dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Bengkel ini mewakili langkah penting dalam usaha universiti untuk meningkatkan dan memperbaiki fasiliti sukan.

12 OKTOBER 2023





## KEJOHANAN KAROM TERBUKA KELANTAN 2023

KELANTAN : Pasukan Karom Staf UTHM telah menghantar penyertaan seramai 9 atlet dan 1 pegawai ke Kejohanan Karom Terbuka Kelantan 2023 yang telah diadakan pada 30 September hingga 1 Oktober 2023 bertempat di Dewan Majlis Daerah Pasir Mas, Kelantan.

### Kategori Individu

- En Mohd Azlan Norman (Pej. Pendaftar)
- En Muhamad Najib Yaakup (PSU)
- En Norazni Aman (Pej. Pendaftar)
- En Syafiq Afiq (FKEE)
- En Mohd Zawawi Che Amin (Pej. Pendaftar)
- En Mohd Faiz Jasmi (Pej. Pendaftar)
- En Mohd Shahir Mohamad Ismon (Pej. Pendaftar)
- En Mohd Shukri Awang (Pej. Pendaftar)
- En Mohd Sahri Rebot (Pej. Pendaftar)

### Kategori Beregu

- En Mohd Azlan Norman & En Mohd Sahri Rebot
- En Mohd Shukri Awang & En Muhamad Najib Yaakup
- En Mohd Zawawi Che Amin & En Syafiq Afiq
- En Mohd Shahir Mohamad Ismon & En Norazni Aman

15 OKTOBER 2023

## KEJOHANAN BADMINTON BEREGU (LELAKI) AMATUR PIALA YANG BERHORMAT AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SRI GADING

BATU PAHAT : Pada 14 Oktober 2023 telah berlangsungnya Kejohanan Badminton Beregu (Lelaki) Amatur Piala Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Gading yang diadakan sempena Hari Sukan Negara di Dewan Jasa Jamal, Sri Gading, Batu Pahat. Kejohanan berlangsung meriah dengan penyertaan sebanyak 24 beregu lelaki dari kawasan Dewan Undangan Negeri Sri Gading. Wakil dari Kelab Badminton UTHM, Mahdzer Rahmat (PTM) yang berpasangan dengan Akmal Nurazim (PSU) muncul Johan dengan mengalahkan Koh Kim Hwa dan Chew Wee Ping pada perlawanan akhir yang sengit. Johan telah membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1000 berserta piala dan medal.

15 OKTOBER 2023



## KEJOHANAN ROAD TO SUKMA 2024 / PIALA PEGAWAI DAERAH YAN

SARAWAK : Tahniah diucapkan kepada atlet Muay Thai UTHM, Saudara Muhammad Hafiz bin Mohamad Lothfi (FKAAB) yang telah memenangi Kejohanan Road To SUKMA 2024 / Piala Pegawai Daerah Yan pada 7 hingga 9 Oktober 2023 di Pantai Murni Waterfront, Yan, Kedah. Kejohanan ini merupakan medan pemilihan atlet Muay Thai Kedah ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang akan berlangsung di Sarawak pada tahun 2024.

15 OKTOBER 2023



## ATLET BERBASIKAL STAF DAN PELAJAR UTHM BERAKSI DI KULAI JAMBOREE 2023

KULAI : Tahniah diucapkan kepada Atlet berbasikal UTHM, Saudara Mohamad Norsyamir bin Samandi Marguna daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) telah mendapat tempat ke-8 dalam kategori lelaki terbuka dalam perlumbaan Kulai Jamboree 2023 pada 14 Oktober 2023 yang lalu. Kulai Jamboree 2023 telah disertai seramai 600 pelumba dari seluruh negara dengan pelbagai kategori. Turut menyertai kejohanan tersebut ialah staf UTHM iaitu Encik Ahmad Nasrull Bin Mohamed (Institut Kejuruteraan Integrasi), Prof. Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Bin Mustafa (Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi) dan Ts. Zamri Bin Mat Emrin (Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan) .

21 OKTOBER 2023



## STAF UTHM MEWAKILI PASUKAN MAKSAK JOHOR KE KEJOHANAN MAKSAK GAMES 2023

BATU PAHAT : Tahniah diucapkan kepada Encik Iszuwan Bin Azhar, Pusat Perumahan Pelajar – KKTF kerana telah berjaya terpilih mewakili pasukan MAKSAK Johor ke Kejohanan Badminton MAKSAK yang telah berlangsung pada 19 hingga 22 Oktober 2023 bertempat di Kota Bharu, Kelantan. Tahniah juga diucapkan kepada Encik Mohd Bahtiar Bin Basri, Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Bina kerana telah terpilih mewakili pasukan MAKSAK Johor ke Kejohanan Berbasikal MAKSAK yang akan berlangsung pada 1 hingga 6 November 2023 di Kuala Terengganu. Selamat maju jaya diucapkan kepada kedua-dua atlet dan semoga beraksi cemerlang dalam kejohanan yang disertai masing-masing.

21 OKTOBER 2023



## PASUKAN BADMINTON MAKSAK JOHOR PEROLEH NAIB JOHAN DI KELANTAN

KOTA BAHRU, KELANTAN : Syabas dan tahniah diucapkan kepada Encik Iszuwan Bin Azhar (Pusat Perumahan Pelajar – KKTF) dan Pasukan Badminton MAKSAK Johor kerana telah berjaya mendapat Naib Johan di Kejohanan MAKSAK Games 2023 – Badminton yang telah berlangsung di Kota Bharu, Kelantan pada 19 hingga 22 Oktober 2023. Semoga kejayaan ini memberi inspirasi kepada semua atlet untuk terus berusaha dan berusaha mencapai matlamat yang lebih besar dalam sukan dan kehidupan. Teruskan usaha dan latihan yang gigih untuk mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi!

22 OKTOBER 2023



## PASUKAN CATUR UTHM BERAKSI CEMERLANG DI KEJOHANAN CATUR 1000 LIGA

BATU PAHAT : Tahniah diucapkan kepada Pasukan Catur UTHM atas pencapaian yang cemerlang di Kejohanan Catur 1000 Liga pada 21 Oktober 2023 bertempat di Square One Mall, Batu Pahat. Berikut adalah senarai pemenang atlet UTHM bagi kejohanan tersebut :

Muhammad Abdul Azim  
Fakulti : FKEE  
Kategori :Open Lelaki Catur  
Pencapaian : Johan (Lelaki)

Muhammad Aliff Zuhairi Bin Ariffin  
Fakulti : FKEE  
Kategori : Lelaki Open Catur  
Pencapaian : Naib Johan (Lelaki)

Nurul Atirah Binti Mohd Ali  
Fakulti : FPTP  
Kategori : Open Wanita Catur  
Pencapaian : Johan (Wanita)

Aida Madihah Binti Ali  
Fakulti : FSKTM  
Kategori : Open Wanita Catur  
Pencapaian : Naib Johan (Wanita)

Mohd Hamizan Bin Abdullah  
Fakulti : FPTV  
Kategori : Lelaki Open Catur  
Pencapaian : Johan Keseluruhan (Lelaki)

Jovita Tan Roel  
Fakulti : FKAAB  
Kategori :Open Wanita Catur  
Pencapaian : Naib Johan Keseluruhan (Wanita)

Mohammad Yusri Bin Adjmain  
Fakulti : FTK  
Kategori :Open Lelaki Catur  
Pencapaian : Naib Johan Keseluruhan (Lelaki)

Chua Guang Seng  
Fakulti: FKAAB  
Kategori: Lelaki Open Xiang Qi Fast Game Tournament  
Pencapaian: Kelima Keseluruhan

Liyana Binti Abdullah  
Fakulti : FTK  
Kategori : Open Wanita Catur  
Pencapaian :Ke-8 Keseluruhan (Wanita)

22 OKTOBER 2023





## **PEJUMPAAN PENGARAH PUSAT SUKAN UNIVERSITI BERSAMA ATLET PRESTASI TINGGI**

BATU PAHAT : Pengarah Pusat Sukan Universiti, Dr Azli bin Puddin bersama pegawai Bahagian Kecemerlangan Sukan dan Bahagian Pengurusan Strategik Korporat Pusat Sukan Universiti telah meluangkan masa bertemu Atlet Prestasi Tinggi UTHM. Seramai 20 orang atlet prestasi tinggi UTHM dari pelbagai jenis sukan dipilih secara merit hasil daripada kejayaan dan pencapaian mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk berada dalam Program Hussein Global.

Berikut ialah senarai atlet prestasi tinggi UTHM.

1. Mirza Adli B. Shaharaziz (Kayak/Dragonboat)  
Malaysia Elit

2. Mohamad Norsyamir B. Samandi Marguna  
(Berbasikal)  
PST Malaysia

3. Umar Addin B. Mazlan (Berbasikal)  
PST Malaysia

4. Muhammad Arif B. Roslan (Futsal)  
PST Malaysia

5. Sheikh Ahmad Safwan B. Shaikh Sabri  
(Mendayung)  
PST Malaysia

6. Nurzarinah Bt Zakaria (Mendayung)  
PST Malaysia

7. Nur Afiqah Zamia Bt. Sumeri (Mendayung)  
PST Malaysia

8. Nurasyikin Bt Mohd Zahari (Mendayung)  
PST Malaysia

9. Chan Yu Xuan  
(Mendayung)  
PST Malaysia

10. Tee Yen Shin  
(Mendayung)  
PST Malaysia

11. Mohd Arif Ashraf B. Mohd Rusok  
(Mendayung)  
PST Malaysia

12. Mohamad Alimin B Mohd Pauzi  
(Mendayung)

PST Malaysia  
13. Nur Ratna Bt Suani (Mendayung)  
PST Malaysia

14. Mohamad Amirul B Norhadi (Mendayung)  
PST Malaysia

15. Nurul Heryani Arfida Bt M Arifin  
(Menembak)  
SUKMA Johor

16. Muhammad Huzriy B Jaslan (Menembak)  
SUKMA Johor

17. Luqman Hakiem B Zaharin (Menembak)  
SUKMA Selangor

18. Nur Aliff Farhan B Yunus (Ragbi)  
SUKMA Pahang

19. Aزيق Haiqal B Mahadi  
(Ragbi)  
SUKMA Pahang

20. Mohd Hafiz B Lothfi  
(Muay Thai)  
SUKMA Kedah

23 OKTOBER 2023

# ATLET OLAHRAGA STAF DAN PELAJAR UTHM SERTAI LARIAN TASIK KLUANG

KLUANG, JOHOR : Pasukan Olahraga UTHM (staf dan pelajar) bersama pengurus pasukan En. Ismade bin Niam – FTK telah menghantar penyertaan 4 pasukan ke Larian Tasik Kluang pada 21 Oktober 2023 yang lepas bertempat di Taman Tasik Putih Kluang. Berikut adalah keputusan penuh pertandingan :-

## Kategori Jabatan Kerajaan Wanita

### Tempat Pertama

#### Pasukan Staf Wanita UTHM

- PM. Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai - FKAAB
- Dr Chua King Lee – FKEE
- Ts. Dr Nur Kamilah binti Yusuf – FKMP
- Noradzuana binti Kamiran – Audit Dalam

## Kategori Jabatan Kerajaan Lelaki

### Tempat Pertama

#### UTHM Shakespeare (Pasukan Olahraga Pelajar)

- Asyraf Bin Norisham – FTK
- Muhammad Khairul Anwar Bin Abdul Rahim – FTK
- Haziq Syahmi Bin Hazizan – FPTV
- Luqman Bin Noor Azam – FKEE

### Tempat Ketiga

#### Pasukan Staf Lelaki UTHM

- Muhamad Azlin bin Selamat - OSHE
- Ahmad Syakir bin Mohamad Jamil – UTHM Kampus Pagoh
- Muhamad Khairul Fitri bin Sarimin – UTHM Kampus Pagoh
- Fadzil bin Esa – UTHM Kampus Pagoh

## Kategori Terbuka Lelaki

### Tempat Keempat

#### UTHM SAT2 (Pasukan Olahraga Pelajar)

- Muhammad Arif Bin Marzuki – FKMP
- Muhammad Nadzir Arshad Bin Azmin – FKAAB
- Amirul Iman Bin Mohd Amin – PPD
- Mohammad Nur Zaim Hafizin Bin Arfhan Nur - PPD

23 OKTOBER 2023



### 3 PINGAT BERJAYA DIRAIH DI KEJOHANAN TENIS JOHOR JR

JOHOR BAHRU : Pada 27 dan 28 Oktober 2023, Pasukan Tenis UTHM telah menghantar 5 orang wakil ke Kejohanan Tenis Johor Jr yang bertempat di Kompleks Tennis Nusa Duta, Nusajaya Johor. Mereka telah beraksi dengan cemerlang dan terbilang seterusnya berjaya mengutip beberapa pingat menerusi acara-acara berikut:

[Men's Single]

Pingat Perak

Muhammad Asyraf Fikri Bin Zaulkffali (FPTV)

[Men's Doubles]

Pingat Gangsa

Muhammad Asyraf Fikri Bin Zaulkffali (FPTV)

Mohamad Syafiq bin Mohamad Husain (FKMP)

Pingat Gangsa

Mohamad Syahmi Hilmi Bin Zaharuddin (FKEE)

Muhammad Firdaus Bin Mohd Fauzi (FKEE)

28 OKTOBER 2023



### EN. MUHAMAD NAJIB YAAKUP DILANTIK SEBAGAI SEKRETIAT KEJOHANAN HOKI 'SULTAN OF JOHOR CUP'.

Tahniah diucapkan kepada En Muhamad Najib Yaakup (Pusat Sukan Universiti) yang telah dilantik sebagai seketeriat Kejohanan Hoki 'Sultan Of Johor Cup'. Kejohanan peringkat Antarabangsa ini telah diadakan di Stadium Hoki Taman Daya, Johor Bahru bermula 26 Oktober hingga 4 November 2023. Semoga dengan pelantikan serta pengalaman ini akan dapat meneruskan Kecemerlangan sukan hoki di UTHM khasnya

28 OKTOBER 2023



## 2 PINGAT BERJAYA DIBAWA PULANG DI HIGHER EDUCATION SPORTS FEST 2023

KUALA TERENGGANU : Tahniah diucapkan kepada Sdr. Khasyfee Ihtifazhuddin Bin Jasmee (FKEE), Sdr. Muhammad Bakhit Izzuddin Bin Rahmat (FKEE) dan Sdr. Nur Atikah Nabila Binti Mokhtar (FPTP) mewakili Pasukan Petanque UTHM kerana telah berjaya memperoleh pingat Emas dalam Acara Petanque Triple Mix dengan menewaskan pasukan UiTM dengan mata 13-10.

Selain itu, tahniah diucapkan kepada Sdr. Muhammad Faid Bin Basarum (FPTV) dan Sdr. Mohd Hafizan Bin Abdullah (FPTP) mewakili Pasukan Bola Tampar Pantai Lelaki UTHM atas kejayaan memperoleh pingat Gangsa dengan berjaya menewaskan pasukan UiTM dengan mata 2-1 dalam perlawanan yang berlangsung sengit. Higher Education Sports Fest (HESF) 2023 diadakan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan telah berlangsung selama 5 hari iaitu bermula 25 hingga 29 Oktober 2023.

29 OKTOBER 2023





Diterbitkan oleh :

**BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT  
PUSAT SUKAN UNIVERSITI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537479

Fax: 07 - 4536581